

Dibawa menaiki bogi di Istana Nurul Iman PM terima layanan mesra Sultan Brunei

Oleh NOR AZIAH MAT NOH

PETALING JAYA – Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob teruja apabila diberi layanan mesra dan ramah oleh Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah apabila dibawa menaiki bogi di Istana Nurul Iman.

Perdana Menteri berkata, belum terasa kemesraan yang ditunjukkan Sultan Hassanal menerusi menerusi lawatannya yang pertama ke negara itu.

"Ini pasti menjadi suatu memori yang akan saya kenang sehingga ke akhir hayat. Terima kasih Brunei, semoga ikatan yang terjalin terus kukuh," katanya dalam satu hantaran di akaun Facebook rasmi sifirnya semalam.

Terdahulu, Ismail Sabri melakukan lawatan rasmii pertama ke negara itu selama dua hari bagi menilai kemajuan kerjasama yang sedang berjalan di samping mengukuhkan lagi hubungan dan

kerjasama pascacovid-19. Perdana Menteri tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada malam Isnin lalu dan disambut meriah oleh perbarisan hormat anggota daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Ismail Sabri turut diiringi oleh isteri, Datin Seri Muhamini Zainal Abidin; Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Saifuddin Abdullah; Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shukridan Kassim.

Perdana Menteri Kelmarin, Perdana Menteri memberitahu, pergerakan rentas sempadan di antara Malaysia dan Brunei akan dilaksanakan kelak selepas kedua-dua negara bersetuju mewujudkan Vaccinated Travel Lane (VTL).

Ismail Sabri berkata, persetujuan itu diperoleh menerusi perbincangan bersama Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah.



ISMAIL SABRI menaiki bogi yang dipandu Sultan Hassanal di sekitar Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan semalam.

Bagi mencapai hasrat itu, kantanya, kementerian berkenaan akan meneliti prosedur operasi standard (SOP) pelaksanaan inisiatif VTL itu.

"VTL bagi pergerakan rentas sempadan darat juga dalam pertimbangan kedua-dua pihak. "Brunei juga bersetuju mengikrak MySejahtera dan BruHealth bagi memudahkan integrasi sistem dan penggunaan oleh rakyat kedua-dua buah negara," ujarnya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri menjelaskan, piaknya juga berbincang mengenai Lebuhraya Trans-Borneo Malaysia-Brunei termasuk menaik taraf dan membina semula laluan jajaran dari persimpangan Kuala Baram di Miri ke CIQ Sungai Tujoh di Kuala Belit, Brunei.

Pembinaan lebuhraya raya sepanjang 5 kilometer itu dijangka berlangsung pada 2023.

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Lawatan PM perkukuh hubungan dua hala Malaysia, Brunei

Oleh Datuk Nor Nazirah Hashim
bhrencana@bh.com.my



Ketua Setiausaha
Sulit Perdana Menteri

Selepas ber kunjung ke Indonesia dan Singapura sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meneruskan agenda lawatan luar negara belakau ke Brunei Darussalam pada Isnin dan Selasa lalu.

Walaupun lawatan ini singkat, begitu banyak perkara positif berjaya mengukuhkan hubungan dua hala antara dua negara, khususnya melalui pertemuan empat mata Perdana Menteri dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, kelmarin.

Turut mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan rasmi itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan pegawai kanan kerajaan.

Lawatan rasmi Perdana Menteri ke Brunei Darussalam kali ini ternyata berjaya menyelesaikan beberapa perkara penting, termasuk kata sepakat berkenaan pelaksanaan Inisiatif Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) Udara dan Darat, Pengiktirafan MySejahtera dan BruHealth serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam vaksin COVID-19.

Kedua-dua pihak bersetuju secara dasar melaksanakan VTL udara dan darat bagi memudahkan pergerakan rakyat kedua-dua negara, termasuk pelaksanaan empat penerbangan seminggu antara Kuala Lumpur dengan Bandar Seri Begawan.

Selain itu, Malaysia dan Brunei Darussalam juga bersetuju membuka sempadan darat bagi memudahkan pergerakan rakyat kedua-dua negara meneruskan aktiviti harian mereka.

Tidak dapat difikirkan langkah pembukaan sempadan ini akan meningkatkan saling hubungan antara rakyat Malaysia-Brunei dan juga menyatakan kembali keluarga terpisah sekitar lama. Selain itu, aktiviti ekonomi di sempadan kedua-dua negara bersaudara ini juga akan dapat dihidupkan semula seperti sediakala.

Kedua-dua pihak juga bersetuju mengiktiraf MySejahtera dan BruHealth yang akan memudahkan integrasi sistem serta penggunaan rakyat kedua-dua negara, yang kerjasama ini penting bagi melancarkan pergerakan rentas sempadan.

Dalam inisiatif penghasilan vaksin COVID-19, Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) Malaysia juga akan bekerjasama dengan pakar dari Universiti Brunei Darussalam dalam penyelidikan Tindakbalas Antibodi Terhadap Vaksin COVID-19 dan diusul agensi berkaitan Malaysia serta Brunei.

Sekiranya inisiatif ini berjaya, kedua-dua negara dapat menghasilkan vaksin COVID-19 sendiri dan secara tidak langsung akan memastikan keselamatan rakyat terpelihara.

Satu lagi perkara dibincangkan dalam pertemuan empat mata adalah langkah ke arah meningkatkan lagi kerjasama ekonomi termasuk perdagangan dan pelaburan Malaysia dan Brunei.

Di samping penyerahan PETRONAS dan beberapa syarikat terkemuka Malaysia dalam kerjasama ekonomi Malaysia-Brunei, Perdana Menteri melihat ker-

jasama dalam bidang perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta kerjasama Sabah-Brunei dan Sarawak-Brunei, berpotensi untuk ditingkatkan lagi.

Turut dibincangkan adalah pembinaan Projek Lebuhraya Trans-Borneo yang menjadi sistem rangkaian jalan raya utama menghubungkan tiga negara, iaitu Kalimantan (Indonesia); Sarawak dan Sabah (Malaysia) dan Brunei Darussalam.

Bagi fasa satu, pembinaannya adalah pada tahap 77 peratus, manakala fasa dua membabitkan Brunei dalam dua segmen, iaitu membina semula laluan jajaran dari persimpangan Kuala Baram di Miri ke CIQ Sungai Tujoh di Kuala Belit, Brunei sepanjang lima kilometer (km) dan membina jalan baharu dan menaik taraf jalan sedia ada sepanjang 74km melalui Limbang dan Lawas.

Pelaksanaan kedua-dua projek ini akan memperkemaskan jalin hubung antara Malaysia dan Brunei. Paling signifikan dalam pertemuan empat mata ini adalah kesepakatan kedua-dua pihak supaya Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Bersama Persempadanan Darat Malaysia-Brunei diadakan dengan kadar segera selepas lama tertangguh.

Ini kerana dalam tempoh 11 tahun persefujuan dicapai, perkembangannya amat perlahan dengan hanya 87.27km daripada 528.45km sempadan darat (17 peratus) yang disusun dan ditanda, manakala daripada jumlah itu, hanya 34.15km saja dimulakan.

Oleh itu, kedua-dua negara bersetuju menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi kawasan sempadan dimulatmadkan, seterusnya Jawatankuasa Persempadanan Darat akan bermesyuarat bagi memuktamadkan kawasan sempadan sebelumnya dengan segera.

Keakraban kedua-dua negara juga terserlah apabila Perdana Menteri mengharapkan pendekatan saling kebergantungan akan diteruskan untuk memberi manfaat bersama selari dengan wawasan

kedua-dua negara, iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan Wawasan Brunei 2035.

Sultan Brunei pula menekankan kepentingan Rundungan Pemimpin Tahunan (ALC) bagi membingungkan isu keberpentingan bersama. Baginda juga berharap supaya Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) yang bermula pada 1994 diperluaskan untuk kepentingan bersama.

Lawatan Perdana Menteri ke Brunei Darussalam aman bermakna kepada keakraban hubungan istimewa dua negara, mencerminkan komitmen pada antara kedua-dua pihak ke arah peningkatan hubungan ke suatu tahap lebih tinggi dan mantap.

Brunei Darussalam adalah negara sahabat yang akrab dan dekat di hati Keluarga Malaysia kerana hubungan diplomatik dua negara berlandaskan rumpun Melayu, Kesultanan Melayu dan bertunjangkandang agama Islam serta pertalian keluarga.

Terdapat kira-kira 25,000 rakyat Malaysia memperoleh manfaat daripada segala kemudahan dan bantuan dihulurkan Brunei Darussalam kepada mereka yang sedang menetap, bekerja serta belajar di negara itu.

Hal ini diperkuatkukan dengan pencapaian begitu membanggakan dalam peningkatan nilai dagangan dua hala Malaysia dan Brunei Darussalam, iaitu sebanyak 70.4 peratus yang berjumlah RM8.03 bilion pada 2021 berbanding RM4.71 bilion pada 2020.

Sewaktu permulaan pandemik COVID-19 melanda negara, Brunei Darussalam bermurah hati memberikan sumbangan kelengkapan perubatan dan kit ujian bernilai hampir RM2 juta yang memberi manfaat besar kepada hospital di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Itu termasuk kerjasama erat dua negara membawa pulang rakyat Malaysia dan Brunei yang terkandas di luar negara seperti Kembang, Mesir, India, Arab Saudi dan Sri Lanka.



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bersama Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah ketika lawatan rasmi Perdana Menteri ke Brunei. Turut berangkat, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Datin Seri Muhamai Zainal Abidin.

Proses undian tapak bazar Ramadan selesai



Bazar
Ramadan
Kampong
Bharu antara
tarikan
warga kota
membeli
juadah
berbuka
puasa.

KUALA LUMPUR - Bazar Ramadan di ibu kota akan beroperasi seperti biasa dan sebarang perubahan adalah tertakluk kepada arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Unit Media Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberitahu, proses permohonan dan undian tapak bagi bazar di bawah seliaan DBKL melibatkan Bazar Aidilfitri Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) dan Bazar Ramadan di tempat letak kereta Taman Tasik Permaisuri telah selesai pada 13 Januari lalu.

Menurutnya, lokasi bazar Aidilfitri kekal di Lorong TAR melibatkan jumlah 216 petak niaga, manakala tempat letak kereta Taman Tasik Permaisuri sebanyak 160 petak.

"Setakat ini tiada sebarang prosedur operasi standard (SOP) terbaru yang dikeluarkan oleh MKN."

"DBKL akan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh MKN seperti pe-

makaian pelitup muka, mengimbas MySejahtera dan menetapkan penjarakan fizikal antara gerai penjaja sebanyak satu meter sebagaimana pelaksanaan SOP bazar pada tahun lepas," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Ujarnya, sebarang perubahan SOP adalah tertakluk kepada arahan yang ditetapkan oleh MKN dari semasa ke semasa dan pematuhan ini terpakai kepada peniaga serta pengunjung.

Mengulas lanjut, jumlah petak bazar Ramadan yang ditawarkan kepada peniaga pada tahun ini juga tidak menunjukkan perubahan ketara seperti tahun lepas.

"Kesemua petak di bawah seliaan DBKL telah dibuat pengisian dan tiada perbezaan ketara jumlah petak pada tahun lepas yang ditawarkan kepada peniaga."

"Bagi bazar di bawah seliaan penganjur pula melibatkan 60 lokasi merangkumi 4,236 peniaga. Jumlah lokasi adalah sama seperti tahun lepas dan kebanyakan lokasi merupakan tapak tradisi," katanya.